

**SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

USB.01/04.01/10.12/22(13)

8 Mei 2013

**PEKELILING MAHASISWA
BIL.3/2013**

PENYETARAAN KOD JENIS KURSUS BAGI PENGAJIAN SEPARUH MASA UTM

Mesyuarat Pengarah-Pengarah *UTMSpace* Bil.3/2013 bertarikh 18 April 2013 telah bersetuju menyetarakan kod jenis kursus yang terlibat bagi Pengajian Separuh Masa UTM. Justeru, keseluruhan kursus bagi kategori Kursus Umum Universiti disetarakan kod jenis kursus daripada Umum (U) kepada Kuliah (K) atau Kuliah beserta Makmal (KM). Keputusan ini diambil setelah meneliti beberapa perkara, antaranya adalah:-

- (a) kesetaraan ini relevan dengan jumlah pertemuan pensyarah iaitu pada semester lazim bagi jumlah kredit kursus 2 kredit, jumlah perjumpaan pensyarah adalah 3 hingga 5 kali dalam satu-satu semester manakala 3 kredit adalah 6 hingga 7 kali bagi setiap kursus;
- (b) pelaksanaan Kursus Umum Universiti : Bahasa Inggeris melibatkan pertambahan jam pertemuan meskipun jumlah kredit bagi kursus tersebut tidak berubah. Jam pertemuan bertambah kepada 42 jam daripada 30 jam dan penyetaraan kod jenis kursus ini telah dilakukan daripada Umum (U) kepada Kuliah beserta Makmal (KM); dan
- (c) penyetaraan ini juga akan memberi kelebihan kepada mahasiswa menerusi penawaran kursus-kursus daripada pihak fakulti bagi setiap program tanpa mengambil kira jenis semester dengan kelulusan dan persetujuan pihak fakulti dan *UTMSpace* secara bersama.

Justeru, pelaksanaan penyetaraan ini akan dikuatkuasakan mulai Sesi 2013/2014 bagi Program Diploma dan Sarjana Muda, Pengajian Separuh Masa UTM.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar



PROF. MADYA SR. DR. MOHD ZULKIFLI BIN MOHD YUNUS

Pengarah

Pusat Pengajian Separuh Masa

UTMSpace

- s.k - Dekan, *UTMSpace*
- Pengurus Akademik Program Luar, Akademi, Pusat Pengajian & Fakulti-Fakulti UTM
 - Pengurus Besar, Bahagian Kewangan *UTMSpace*
 - Pengurus Besar, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi *UTMSpace*
 - Pengurus, Pusat Pengajian Separuh Masa *UTMSpace*